

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2017**

**PEMBANGUNAN SISTEM PEMETAAN DIGITAL DALAM URUSAN  
PENTADBIRAN TANAH**

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 18 April 2015 telah membuat keputusan bersetuju membangun dan melaksanakan Sistem Pemetaan Digital dalam urusan Pentadbiran Tanah dan sistem berkenaan telahpun siap dibangunkan sepenuhnya pada Februari 2017

2. Sistem Pemetaan Digital dalam pengurusan Pentadbiran Tanah Negeri Kelantan ini adalah bertujuan menyelesaikan masalah charting yang sedia ada, memudahkan kerja Penolong Pegawai Penempatan serta Pelukis Pelan dan meningkatkan kualiti kerja serta mengelakan berlakunya pertindihan data-data semasa membuat kerja-kerja charting. Data-data charting yang diluluskan sahaja akan digunakan dan disimpan di server Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan yang menjadi pusat maklumat charting / pemetaan bagi seluruh Pejabat Tanah dan Jajahan Negeri Kelantan.

3. Sistem Charting manual telah ditukar kepada Pelan Digital dengan menggunakan Sistem Pemetaan Digital yang dibangunkan ini dan semua Penolong Pegawai Petempatan dikehendaki menggunakan sistem ini bagi tujuan permohonan pelupusan tanah dan pembangunan tanah dalam urusan charting / pemetaan.

4. Sehubungan dengan ini, semua urusan permohonan milik tanah yang dikemukakan ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dikehendaki menggunakan pelan digital ini.

5. Dikembarkan Carta Aliran Kerja Charting bagi Sistem Pemetaan Digital untuk makluman tuan sebagaimana **Lampiran 1**.

6. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



~~DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, DPSK (Kelantan)~~  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
NEGERI KELANTAN

**KEPADA:**

Yang Amat Berbahagia / Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan


**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

FAIL : PTG.KN. 32/69 Jld. 4 (12)  
BERTARIKH : 21 Febuari 2017

**CARTA ALIRAN KERJA "CHARTING " PEMETAAN DIGITAL (S.O.P)**



**NOTA :-**

- KPPT - Ketua Penolong Pegawai Tanah
- PPT - Penolong Pegawai Tanah
- .dwg - Drawing
- TEMP. FOLDER - Folder Sementara